

# Fomca mahu lancar kempen boikot ayam

BH-28/9/2006

## Harga meningkat sehingga RM1 dalam tempoh seminggu

Oleh Hidayah Mohammad

**K**UALA LUMPUR: Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) memberi amaran akan melancarkan kempen meminta orang ramai memboikot ayam sekiranya Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia terus menaikkan harganya.

Penasihat Fomca, Prof Datuk Dr Hamdan Adnan, menyifatkan tindakan persekutuan itu menaikkan harga ayam sehingga RM1 dalam tempoh seminggu sebagai keterlaluan dan membebankan rakyat yang akan menyambut Deepavali dan Aidilfitri, hujung bulan depan.

"Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia perlu lebih bertimbang rasa ketika kerajaan sedang berusaha meringankan beban kewangan rakyat. Tindakan mereka akan menyukarkan usaha kerajaan berikutan kekurangan bekalan gula dan kenaikan harga barang keperluan lain termasuk minyak.

"Sekiranya persatuan berdegil untuk terus menaikkan harga ayam se-

hingga RM1 dalam seminggu, kita menyarankan orang ramai tidak memakan ayam walaupun musim perayaan bakal menjelang.

"Tindakan itu bagi menyedarkan mereka kerana pengguna juga mempunyai kuasa dalam menentukan harga ayam. Jika tiada pembeli maka tiada keuntungan kepada penternak," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, malam tadi.

**“Tindakan itu bagi menyedarkan mereka kerana pengguna juga mempunyai kuasa dalam menentukan harga ayam”**

**Prof Dr Hamdan Adnan**  
Penasihat Fomca,

Beliau mengulas pengumuman persekutuan itu mengenai harga ayam daging di seluruh negara naik antara 30 sen hingga 40 sen mulai semalam, meningkat sehingga RM1 dalam tempoh seminggu selepas kenaikan antara 50 sen hingga 65 sen, Rabu minggu lalu.

Pengerusi Unit Ayam Daging, Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia, Yap Kim Hwah, berkata kenaikan itu disebabkan peningkatan mendadak terhadap permintaan ayam daging berbanding bekalan yang ada.

Pada sidang akhbarinya, beliau berkata, walaupun harga naik ia masih di bawah harga siling yang ditetapkan kerajaan, iaitu antara RM4 hingga RM6.70 sekilogram.

Katanya, harga baru ayam diproses tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal kini RM6.05 sekilogram berbanding RM5.65 sekilogram sebelum ini. Harga siling yang ditetapkan ialah RM6.70 sekilogram.

Harga ayam diproses berserta kaki, kepala, hati dan hempedal dinaikkan 35 sen kepada RM5.40 sekilo-

gram. Harga siling yang ditetapkan ialah RM6 sekilogram.

Harga pemborong ayam pula dinaikkan sebanyak 30 sen kepada RM4.50 sekilogram dengan harga silingnya RM5 sekilogram.

Harga borong ayam siang naik sebanyak 35 sen kepada RM4.80 sekilogram dengan harga siling RM5.40 sekilogram, manakala harga borong ayam hidup naik 30 sen kepada RM4 sekilogram dengan harga siling yang ditetapkan RM4.50 sekilogram.

Harga di ladang ayam hidup dinaikkan 30 sen kepada RM3.50 sekilogram dengan harga siling yang ditetapkan RM4 sekilogram.

Yap berkata, pengeluaran ayam menanggung kerugian besar antara RM2 juta hingga RM3 juta sebulan sejak Januari sehingga bulan ini akibat lebihan bekalan ayam dan kebimbangan penyakit selsema burung.

Beliau turut memberi jaminan bekalan ayam mencukupi untuk perayaan Deepavali dan Hari Raya bulan depan dan berjanji 'daging ayam akan diperolehi pada harga yang berpatutan pada masa itu.'